

**Malaysia Dan Singapura Bekerjasama Dalam Hiburan, Media
Bernama
30 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Malaysia dan Singapura telah bergabung usaha dan sumber dalam sekutu industri hiburan dan media untuk menembusi pasaran global.

Bagi memulakan inisiatif ini, Lembaga Pembangunan Media (MDA) Singapura akan mengetuai 33 syarikat hiburan dan media ke Kuala Lumpur mulai 30 Jan hingga 1 Feb, dan mereka akan dihoskan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Dalam satu kenyataan Isnin, Global Creative and Media Agency (GCMA) berkata FINAS dan MDA telah berbincang ke arah memuktamadkan perjanjian produksi bersama sejak Oktober tahun lepas.

Misi rasmi tiga hari, yang diketuai oleh ketua pegawai eksekutif MDA Aubeck Kam, akan merangkumi lawatan ke studio/penyiar utama, bengkel, forum, sesi padanan perniagaan dan resepsi perangkaian.

FINAS telah mengatur agar delegasi Singapura ini dibawa melawat ke stesen penyiar seperti RTM, Media Prima, Astro, dan studio-studio utama seperti Metrowealth, KRU, Les' Copaque Productions, MM2 Entertainment, Animasia Studio dan Funcul.

Program padanan perniagaan anjuran bersama FINAS dan MDA dijangka dapat menarik kira-kira 50 syarikat Malaysia dan 33 studio Singapura dengan lebih 200 mesyuarat sudahpun dirancang sebelum itu.

Ketua Pengarah FINAS Mohd Naguib Razak berkata dengan pertumbuhan sihat di rantau ini, adalah amat penting untuk FINAS dan MDA, sebagai pihak berkuasa yang kompeten bagi kedua-dua negara, untuk menerajui dan menggalakkan lebih banyak produksi bersama dan menggabungkan projek pendedaran dari lingkungan rantau untuk menembusi pasaran global.

Menurut Tinjauan Hiburan & Media Global 2011-2015 dari PwC, perbelanjaan hiburan dan media di Asia Pasifik disasarkan meningkat dalam kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (CAGR) sebanyak 9.3 peratus dalam tempoh lima tahun ini, sementara Malaysia dan Singapura menyaksikan pertumbuhan sihat pada kadar, masing-masing 7.1 peratus dan 5.5 peratus.

Sementara itu, Kam berkata industri media Asia pesat berkembang, dan Asia Tenggara turut mengalami pertumbuhan pesat.

Misi perniagaan ini merupakan platform yang baik untuk terus menyemarakkan usaha dan membuka jalan untuk syarikat Singapura dan Malaysia mewujudkan kandungan yang menambat perhatian audien tempatan dan antarabangsa.

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=643053>